

**BAHAGIAN A [30 markah]****Soalan**

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan fenomena cuaca panas yang melanda Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan fenomena cuaca panas di Malaysia.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kehendak / tugasan soalan :

- i. Calon dikehendaki menulis surat kiriman tidak rasmi kepada rakan untuk menceritakan langkah-langkah / cara-cara menghadapi cuaca panas.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan, iaitu
  - KPM melarang semua aktiviti luar bilik darjah
  - Minum air secukupnya / minum air yang telah dimasak
  - Hadkan aktiviti luar / memakai topi atau payung
- iii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan langkah-langkah menghadapi cuaca panas – diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- viii. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Alam sekitar ialah anugerah Tuhan yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan manusia tidak mengira bangsa, agama, dan negara. Manusia banyak bergantung pada sumber semula jadi. Namun begitu, alam sekitar masa ini semakin tercemar kerana terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pencemaran termasuklah penggunaan baja kimia.

Sumber : Dewan Siswa, 2016

#### SOALAN

Selain punca yang dinyatakan di atas, huraiakan punca-punca berlakunya masalah tersebut.

#### Kehendak / tugasannya soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan punca-punca berlakunya masalah pencemaran alam.

#### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan punca-punca selain yang terdapat dalam petikan. – peringkat CEMERLANG
2. Calon menghuraikan punca yang terdapat dalam petikan dan punca-punca lain. – terima seperti biasa
3. Calon menghuraikan satu punca selain yang terdapat dalam petikan. – terima seperti biasa
4. Calon hanya menghuraikan punca yang terdapat dalam petikan sahaja. – maksimum peringkat KEPUJIAN
5. Calon hanya menghuraikan kesan-kesan berlakunya masalah tersebut. – maksimum peringkat Penggunaan Minimum

Cadangan isi :

\* Idea yang relevan boleh diterima.

Usaha menjadikan negara sebagai sebuah negara maju tidak akan tercapai jika transformasi dalam bidang pendidikan dan modal insan tidak dilakukan dengan sebaiknya. Transformasi pendidikan merupakan antara perkara yang ditekankan dalam agenda transformasi negara. Bidang pendidikan ialah satu daripada bidang keutamaan yang perlu diperjuangkan dan dibantu dari segi kewangan, prasarana serta sokongan moral oleh semua pihak termasuk rakyat.

Sumber: Dewan Siswa. 2012

### SOALAN

Berdasarkan petikan di atas.uraikan langkah-langkah mentransformasikan bidang tersebut.

#### Kehendak / tugassoalan



Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah mentransformasikan bidang pendidikan seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu

- dari segi kewangan
- dari segi prasarana
- dari segi sokongan moral

#### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan langkah-langkah dalam petikan dan langkah-langkah lain. – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan langkah-langkah lain tanpa menyentuh langkah-langkah dalam petikan.  
– maksimum peringkat KEPUJIAN

Cadangan isi :

\* Idea yang relevan boleh diterima

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab sukan elektronik yang terbesar di Asia Tenggara seharusnya menjadi pemangkin bagi para remaja untuk mendalami bidang sukan baharu ini dan mendapatkan manfaat daripadanya. Hal ini dikatakan demikian kerana e-sukan tidak seharusnya dilihat sebagai memenuhi hobi semata-mata tetapi sewajarnya dilihat sebagai platform untuk melonjakkan diri dan negara ke persada dunia.

Sumber : Dewan Siswa 03/2019

### SOALAN

Kerjaya dalam bidang ini memberi banyak kebaikan.

Bincangkan.

**Kehendak / tugasannya :**



1. Calon dikehendaki membincangkan kebaikan-kebaikan kerjaya dalam bidang e-sukan.

**Kemungkinan jawapan :**

1. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan kerjaya dalam bidang e-sukan kepada diri, negara dan persada dunia. – terima seperti biasa
2. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan kerjaya dalam bidang e-sukan kepada diri sahaja. – terima seperti biasa
3. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan kerjaya dalam bidang e-sukan kepada negara sahaja. – terima seperti biasa
4. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan kerjaya dalam bidang e-sukan kepada persada dunia sahaja. – terima seperti biasa
5. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan kerjaya dalam bidang e-sukan kepada dua daripada tiga perkara tersebut (diri / negara / persada dunia). – terima seperti biasa
6. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan kerjaya dalam bidang sukan tanpa merujuk kepada e-sukan. – Maksimum Kepujian
7. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan e-sukan. – Maksimum KEPUJIAN
8. Calon membincangkan kebaikan-kebaikan bidang sukan secara umum. – Maksimum BAIK

Cadangan isi

\* Idea yang relevan boleh diterima.

Sindiket penipuan yang didalangi oleh warga tempatan dan warga asing ini membuat panggilan telefon secara rambang dengan mendakwa mewakili pihak berkuasa ataupun institusi kewangan tertentu. Panggilan tersebut dibuat bagi mendapatkan pengesahan transaksi kewangan yang kononnya milik mangsa. Taktik ini digunakan untuk memperdaya mangsa dan boleh menyebabkan kerugian berjumlah ribuan ringgit.

Sumber : Terbitan Urus Setia KPN  
(Komunikasi Korporat)  
Polis Diraja Malaysi

### SOALAN

Sebagai respons terhadap petikan di atas. huraiakan tindakan-tindakan anda bagi mengelak daripada terpedaya dengan sindiket ini.

#### Kehendak / tugasasn soalan :

Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelak daripada terpedaya dengan sindiket penipuan ini.

#### Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan satu langkah sahaja dengan melibatkan satu atau pelbagai pihak. – diterima seperti biasa
2. Calon menghuraikan banyak langkah dengan melibatkan satu atau pelbagai pihak. – diterima seperti biasa
3. Calon menggunakan pihak/orang lain dalam menghuraikan langkah-langkah. – Maksimum peringkat KEPUJIAN
4. Calon menghuraikan sindiket penipuan secara umum. – Maksimum peringkat BAIK

Cadangan isi

\* Idea yang relevan boleh diterima.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**